



Tel : 04-2615669
: 04-2628664
E-mail : secretariat@penangbar.org
Website : www.penangbar.org

No. 4. Green Hall,
1st Floor,
10200 Penang,
Malaysia.

JAWATANKUASA PEGUAM PULAU PINANG PENANG BAR COMMITTEE

CPC 4/24

16 Jan 2024

To Members of the Penang Bar,

Notice for Extension of Home Ownership Campaign (HOC 3.0 Plus) for Year 2024

We have received a letter from the Deputy Director of Lands and Mines, Penang ("PTG Penang"), Mohd Farulizam Bin Che Meh entitled "*PELANJUTAN PELAKSANAAN KEMPEN PEMILIKAN RUMAH/HOME OWNERSHIP CAMPAIGN (HOC 3.0 PLUS) DAN DASAR RANGSANGAN SEKTOR HARTANAH PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG*" pertaining to the Extension of Home Ownership Campaign (HOC 3.0 Plus) for year 2024.

Members are requested to take note that the Home Ownership Campaign (HOC 3.0 Plus) for year 2024 is now extended from 1 Jan 2024 until 31 Dec 2024.

The said letter from PTG Penang which contains relevant details on the Extension of the Home Ownership Campaign (HOC 3.0 Plus) for year 2024 and other related matters and a Notice (with enclosure) from the Penang State Housing Board ("*Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang*") (LPNPP) dated 29 Dec 2023 are appended below for Members' attention and reference.

Members will be updated further as and when we receive additional information from PTG Penang.

Ong May Joyce
Chairman
Conveyancing Practice Subcommittee



PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI PULAU PINANG
PARAS 22
KOMPLEKS TUN ABDUL RAZAK (KOMTAR)
10000 PULAU PINANG



Tel: 04 - 650 5211 (Pejabat Am)
Faks: 04 - 2619588
Laman Web: <http://ptg.penang.gov.my>

Ruj. Kami : PTG/PM/WA/718/PELBAGAI XI(5)
Tarikh : 09 Januari 2024

Penang Bar Committee
No 4, Green Hall
10200 PULAU PINANG

REHDA Penang
Unit 6, 5th Floor
Axist Complex
35, Cantonment Road
10350 PULAU PINANG

Tuan,

PERLANJUTAN KEMPEN PEMILIKAN RUMAH/ *HOME OWNERSHIP CAMPAIGN (HOC 3.0 PLUS)* DAN DASAR RANGSANGAN SEKTOR HARTANAH PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2024

Dengan hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang telah melanjutkan Kempen Pemilikan Rumah/ *Home Ownership Campaign (HOC 3.0 PLUS)* dan Dasar Rangsangan Sektor Hartanah Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2024 bermula pada 1 Januari 2024 dan akan berakhir pada 31 Disember 2024.

3. Sehubungan dengan itu, kempen tersebut telah menawarkan beberapa perkara kepada warganegara asing/ syarikat asing yang ingin memiliki hartanah di Pulau Pinang. Antara tawaran tersebut ialah:

- i. Pengurangan harga had siling bagi pembelian hartanah yang dibenarkan untuk warganegara asing/ syarikat asing yang menandatangani perjanjian jual beli bertarikh antara 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2024 dan hanya untuk hartanah yang dibeli daripada pemaju-pemaju hartanah sahaja dikurangkan seperti jadual di bawah:

SILA SEBUTKAN NO. RUJUKAN PEJABAT INI APABILA MENJAWAB

**CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS
KE ARAH KECEMERLANGAN PENGURUSAN TANAH**

Jenis Hartanah	Lokasi	Had Siling Semasa (RM)	Had Siling Baharu (RM)	Peratus Pengurangan
Hartanah Berstrata	Kawasan Pulau	1,000,000.00	700,000.00	30%
	Kawasan Seberang Perai	500,000.00	400,000.00	20%
Hartanah Landai	Kawasan Pulau	3,000,000.00	1,500,000.00	50%
	Kawasan Seberang Perai	1,000,000.00	750,000.00	25%

- ii. **Pengurangan Fi Permohonan sebanyak 50%** untuk warganegara asing/ syarikat asing yang menandatangani perjanjian jual beli bertarikh antara 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2024 dan hanya untuk hartanah yang dibeli daripada pemaju-pemaju hartanah sahaja seperti jadual di bawah:

Jenis Permohonan	Kadar Semasa	Kadar Baharu
Kediaman	<ul style="list-style-type: none"> • RM10,000.00 per plot (individu) • RM20,000.00 per plot (syarikat) • RM2,000.00 per plot (PR) 	<ul style="list-style-type: none"> • RM5,000.00 per plot (individu) • RM10,000.00 per plot (syarikat) • RM1,000.00 per plot (PR)
Perniagaan	<ul style="list-style-type: none"> • RM20,000.00 per plot (individu) • RM40,000.00 per plot (syarikat) • RM4,000.00 per plot (PR) 	<ul style="list-style-type: none"> • RM10,000.00 per plot (individu) • RM20,000.00 per plot (syarikat) • RM2,000.00 per plot (PR)
Pertanian	<ul style="list-style-type: none"> • RM20,000.00 per plot (individu) • RM40,000.00 per plot (syarikat) • RM4,000.00 per plot (PR) 	<ul style="list-style-type: none"> • RM10,000.00 per plot (individu) • RM20,000.00 per plot (syarikat) • RM2,000.00 per plot (PR)

- iii. **Pengecualian 100% bayaran kelulusan (levi)** akan diberikan kepada warganegara asing/ syarikat asing yang menandatangani perjanjian jual beli bertarikh di antara 1 Januari 2024 sehingga 31 Disember 2024 dan hanya untuk hartanah yang dibeli daripada pemaju-pemaju hartanah sahaja.

4. Oleh yang demikian, mohon pihak tuan mengambil maklum akan perkara di atas.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS”

Saya yang menjalankan amanah,


(MOHD FARULIZAM BIN CHE MEH)
Timbalan Pengarah
b.p Pengarah Tanah dan Galian
Pulau Pinang

s.k

YAB Tuan Chow Kon Yeow
Ketua Menteri Pulau Pinang
Pejabat Ketua Menteri Pulau Pinang
Tingkat 28, KOMTAR
10503 PULAU PINANG

YB Dato' Seri Sundarajoo A/L Somu
Pengerusi Jawatankuasa MMK Perumahan dan Alam Sekitar
Tingkat 53, KOMTAR
10503 PULAU PINANG



LEMBAGA PERUMAHAN NEGERI PULAU PINANG

Ruj. Kami : LPNPP/08/0151/1/3 (19)
Tarikh : 29 Disember 2023

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

PELANJUTAN PELAKSANAAN KEMPEN PEMILIKAN RUMAH/HOME OWNERSHIP CAMPAIGN (HOC 3.0 PLUS) DAN DASAR RANGSANGAN SEKTOR HARTANAH PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2024

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

- Untuk makluman, Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Bilangan 33 Tahun 2023 bertarikh 20 Disember 2023 telah **meluluskan** Pelanjutan Pelaksanaan Kempen Pemilikan Rumah/Home Ownership Campaign (HOC 3.0 Plus) dan Dasar Rangsangan Sektor Hartanah Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2024 **mulai 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2024**. Secara prinsip, kesemua insentif yang diluluskan melalui dasar yang sama sebelum ini dilanjutkan untuk tempoh **satu (1) tahun** lagi sehingga 31 Disember 2024.
- Sehubungan dengan itu, YBhg. Dato'/Tuan/Puan adalah dimohon untuk mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya berhubung insentif-insentif yang diberikan bagi merancakkan sektor hartanah khususnya perumahan Mampu Milik di negeri Pulau Pinang. Bersama-sama ini dilampirkan senarai tersebut seperti di **LAMPIRAN A** untuk perhatian dan tindakan YBhg. Dato'/Tuan/Puan serta jabatan dan agensi yang berkaitan.
- Perhatian dan kerjasama YBhg. Dato'/Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS"

Saya yang menjalankan amanah,

(FAKHURRAZI BIN IBNU OMAR)

b.p Pengurus Besar

Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang

☎ : 04-650 5242

✉ : fakhurrazi@lpnpp.gov.my

8 JAN 2024

...2/-



Ruj. Kami : LPNPP/08/0151/1/3 (19)

s.k YAB Tuan Chow Kon Yeow
Ketua Menteri Pulau Pinang
Pejabat Ketua Menteri Pulau Pinang
Tingkat 28, KOMTAR
10503 PULAU PINANG

YB. Dato' Seri Sundarajoo A/L Somu
Pengerusi Jawatankuasa MMK Perumahan dan Alam Sekitar
Tingkat 53, KOMTAR
10503 PULAU PINANG

PELANJUTAN PELAKSANAAN KEMPEN PEMILIKAN RUMAH / HOME OWNERSHIP CAMPAIGN (HOC 3.0 PLUS) NEGERI PULAU PINANG DAN DASAR RANGSANGAN SEKTOR HARTANAH PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2024

Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Bilangan 33 Tahun 2023 bertarikh 20 Disember 2023 telah meluluskan Pelanjutan Pelaksanaan Kempen Pemilikan Rumah/*Home Ownership Campaign* (HOC 3.0 Plus) Negeri Pulau Pinang dan Dasar Rangsangan Sektor Hartanah Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2024. Pelanjutan kempen ini berkuatkuasa mulai **1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2024**. Antara insentif yang dilanjutkan melalui kempen ini adalah seperti berikut:

A) INISIATIF MENSASARKAN RAKYAT/PEOPLE'S TARGETED INITIATIVES

- i) Had siling harga maksima Rumah Mampu Milik sedia ada diturunkan sebanyak 10 peratus iaitu dari RM300,000.00 di kawasan Pulau kepada RM270,000.00 seunit dan RM250,000.00 di kawasan Seberang Perai kepada RM225,000.00 seunit dengan keluasan minima 850 kaki persegi.
- ii) Pemaju masih boleh membina Rumah Mampu Milik pada had siling harga maksima RM300,000.00 di kawasan Pulau dan RM250,000.00 di kawasan Seberang Perai dengan syarat saiz minima ditingkatkan sekurang-kurangnya 50 kaki persegi mengikut kategori RMM C berkaitan.
- iii) Pemajuan Rumah Mampu Milik perlu mempunyai tahap kualiti yang baik dan tiada kecacatan (*defect*). Sehubungan itu, skor minima 70% di bawah penarafan QLASSIC yang diperakukan oleh Lembaga Industri Pembinaan (CIDB) disyaratkan perlu diperolehi bagi memastikan kualiti sesuatu pemajuan tersebut terjaga walaupun harga rumah dikurangkan. Jadual kategori, saiz keluasan semasa dan baharu seperti di **Jadual 1**.

Jenis Hartanah	Had Siling/Keluasan Asal	Had Siling/Keluasan HOC
Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)	C3 RM300,000.00 (850 kps)	C3 RM270,000.00 (850 kps) C3 RM300,000.00 (900 kps)
	C2 RM200,000.00 (800 kps)	C2 RM180,000.00 (800 kps)
	C1 RM150,000.00 (750 kps tanpa kemasan)	C1 RM135,000.00 (750 kps tanpa kemasan)

PELANJUTAN PELAKSANAAN KEMPEN PEMILIKAN RUMAH / HOME OWNERSHIP CAMPAIGN (HOC 3.0 PLUS) NEGERI PULAU PINANG DAN DASAR RANGSANGAN SEKTOR HARTANAH PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2024

Jenis Hartanah	Had Siling/Keluasan Asal	Had Siling/Keluasan HOC
Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)	C3 RM250,000.00 (900 kps)	C3 RM225,000.00 (900 kps) C3 RM250,000.00 (950 kps)
	C2 RM200,000.00 (850 kps)	C2 RM180,000.00 (850 kps)
	C1 RM150,000.00 (750 kps)	C1 RM150,000.00 (800 kps) C1 RM135,000.00 (750 kps)

Jadual 1: Had Siling dan Keluasan Rumah Mampu Milik (RMM) Mengikut Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

B) MELESTARIKAN PENJUALAN UNIT SIAP TIDAK TERJUAL (OVERHANG)

- i) Pengurangan harga had siling bagi pembelian hartanah yang dibenarkan untuk warga asing dikurangkan seperti di **Jadual 2**.

Jenis Hartanah	Lokasi	Had Siling Asal (RM)	Had Siling HOC (RM)
Hartanah Berstrata (Stratified Properties)	Kawasan Pulau	1,000,000.00	700,000.00
	Kawasan Seberang Perai	500,000.00	400,000.00
Hartanah Landai (Landed Properties)	Kawasan Pulau	3,000,000.00	1,500,000.00
	Kawasan Seberang Perai	1,000,000.00	750,000.00

Jadual 2: Had Siling Semasa dan Baharu Pembelian Hartanah oleh Warga Asing

PELANJUTAN PELAKSANAAN KEMPEN PEMILIKAN RUMAH / HOME OWNERSHIP CAMPAIGN (HOC 3.0 PLUS) NEGERI PULAU PINANG DAN DASAR RANGSANGAN SEKTOR HARTANAH PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2024

- ii) Pengurangan Fi Kelulusan (*State Consent Fees*) sebanyak 50% secara menyeluruh seperti di **Jadual 3**:

Jenis Permohonan	Kadar Asal	Kadar HOC
Permohonan untuk Kediaman	<ul style="list-style-type: none"> • RM10,000.00 per plot (individu) • RM20,000.00 per plot (syarikat) • RM2,000.00 per plot (PR) 	<ul style="list-style-type: none"> • RM5,000.00 per plot (individu) • RM10,000.00 per plot (syarikat) • RM1,000.00 per plot (PR)
Permohonan untuk Perniagaan	<ul style="list-style-type: none"> • RM20,000.00 per plot (individu) • RM40,000.00 per plot (syarikat) • RM4,000.00 per plot (PR) 	<ul style="list-style-type: none"> • RM10,000.00 per plot (individu) • RM20,000.00 per plot (syarikat) • RM2,000.00 per plot (PR)
Permohonan untuk Pertanian	<ul style="list-style-type: none"> • RM20,000.00 per plot (individu) • RM40,000.00 per plot (syarikat) • RM4,000.00 per plot (PR) 	<ul style="list-style-type: none"> • RM10,000.00 per plot (individu) • RM20,000.00 per plot (syarikat) • RM2,000.00 per plot (PR)

Jadual 3: Kadar Semasa dan Baharu bagi Fi Kelulusan (*State Consent Fees*) Warga Asing Mengikut Jenis Permohonan

- iii) Pengurangan Levi Pembelian Warga Asing (*State Levy for Foreign Purchasers*) seperti di **Jadual 4**:

Kadar Asal	Kadar HOC
3% daripada nilai perolehan hartanah yang bernilai RM1.5 juta ke atas.	Pengecualian 100% bagi sepanjang tempoh Kempen Pemilikan Rumah
1.5% daripada nilai perolehan hartanah berstrata bagi kawasan Pulau yang bernilai RM1.5 juta dan ke bawah.	

Jadual 4: Kadar Semasa dan Baharu bagi Levi Pembelian Warga Asing (*State Levy for Foreign Purchasers*)

- (a) Pengecualian levi sebanyak 50% pula diperluas kepada penjualan dalam sektor perumahan pasaran sekunder / *secondary market residential* termasuk pangsapuri perkhidmatan.

PELANJUTAN PELAKSANAAN KEMPEN PEMILIKAN RUMAH / HOME OWNERSHIP CAMPAIGN (HOC 3.0 PLUS) NEGERI PULAU PINANG DAN DASAR RANGSANGAN SEKTOR HARTANAH PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2024

C) PENGURANGAN KOS PEMBANGUNAN

i) Pengurangan dan diskaun caj seperti di **Jadual 5**:

Bil	Perkara	Kadar Asal	Kadar HOC
1.	Pengurangan kadar sumbangan pamaritan	RM50,000.00 seekar	RM25,000.00 seekar
2.	Penurunan harga premium tukarguna syarat tanah (<i>conversion premiums</i>)	15% Dari nilai tanah (Pertanian kepada Kediaman)	Diskaun 25% dari 15% premium nilai tanah dikenakan
3.	Pengurangan bayaran pemajuan pada kadar dan pengecualian sepenuhnya bagi pemajuan Rumah Mampu Milik	RM15.00 sekaki persegi bagi kandungan kediaman dan RM21.00 kaki persegi bagi kandungan komersial pemajuan biasa.	Pengurangan bayaran pemajuan dipinda kepada RM10.50 sekaki persegi bagi kandungan kediaman pemajuan biasa dan RM3.50 Rumah Mampu Milik dan RM14.70 sekaki persegi bagi kandungan komersial. (MBPP).
4.	Pengurangan sumbangan bagi menggantikan Rumah Kos Rendah dengan Rumah Kos Sederhana Rendah	Pulau RM120,000.00 Bagi pemaju tempatan RM150,000.00 Pemaju Luar SPU/SPT RM 72,500.00 SPS RM50,000.00 bagi 350 unit pertama RM72,500.00 unit seterusnya	RM100,000.00 (kawasan Pulau) RM72,500.00 (kawasan Seberang Perai)
5.	Sumbangan Tidak Menyediakan Tempat Letak Kereta	RM25,000.00 (MBPP)	RM20,000.00 (MBPP)
6.	Penyediaan Kemudahan Masyarakat	0.1 meter persegi/orang – sedia ada (MBPP)	0.2 meter persegi/orang (MBPP)

Jadual 5: Kadar/Syarat Semasa dan Baharu yang Melibatkan Kos Pembangunan

***Nota : Pemberian diskaun akan diselaraskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Peringkat Kebenaran Memulakan Kerja (COW)

PELANJUTAN PELAKSANAAN KEMPEN PEMILIKAN RUMAH / HOME OWNERSHIP CAMPAIGN (HOC 3.0 PLUS) NEGERI PULAU PINANG DAN DASAR RANGSANGAN SEKTOR HARTANAH PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2024

D) PENINGKATAN NISBAH PLOT PEMAJUAN SKIM RUMAH MAMPU MILIK 100 PERATUS

- i) Nisbah plot untuk pemajuan Rumah Mampu Milik 100 Peratus pada kadar 1:4, tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat teknikal yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) selain syarat penyediaan kawasan sesuai untuk pembangunan sebegini dan penyediaan infrastruktur yang lengkap terutamanya untuk menampung trafik.
- ii) Inisiatif peningkatan guna tanah perumahan mampu milik yang diluluskan mulai tahun 2021 dijelaskan menjadi dasar berterusan di mana Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) perlu menyelaras garis panduan sedia ada seperti di **Jadual 6**:

Bil	Jenis RMM	Nisbah Plot Asal	Nisbah Plot HOC
1.	Penyediaan Rumah Kos Sederhana Rendah (<i>Low Medium Cost - LMC</i>)	Kawalan 120 unit/ekar (MBPP)	Maksima 240 unit/ekar (MBPP) atau setara Nisbah Plot 1:4
2.	Rumah Mampu Milik 100 Peratus	Nisbah Plot 1:2.8 dan 1:3.5	Nisbah Plot 1:2.8 dan 1:4

Jadual 6: Peningkatan Guna Tanah Perumahan Mampu Milik

E) JUALAN UNIT RUMAH MAMPU MILIK KEPADA PASARAN TERBUKA

- i) Jualan unit Rumah Mampu Milik kepada pasaran terbuka ditingkatkan daripada **40% kepada 50%** dengan agihan 25% pengundi berdaftar Pulau Pinang dan 25% bukan pengundi berdaftar di Pulau Pinang.

F) PENGURANGAN HARGA JUALAN RUMAH MAMPU MILIK JENIS C

- i) Pengurangan harga jualan RMM C sebanyak **10%** sepertimana dijelaskan pada dasar sebelum ini menjadi dasar berterusan bagi kelulusan di bawah Nisbah Plot 1:4 di kawasan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).

PELANJUTAN PELAKSANAAN KEMPEN PEMILIKAN RUMAH / HOME OWNERSHIP CAMPAIGN (HOC 3.0 PLUS) NEGERI PULAU PINANG DAN DASAR RANGSANGAN SEKTOR HARTANAH PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2024

G) PEMBERIAN DISKAUN PELEPASAN UNIT KEDIAMAN DAN HARTANAH DI BAWAH KUOTA BUMIPUTERA

- i) Diskaun sebanyak **50%** daripada jumlah bayaran penuh yang perlu dibayar bagi pelepasan unit di bawah Garis Panduan Permohonan Pelepasan Kuota Bumiputera Pemajuan Perumahan Dan Komersil Negeri Pulau Pinang diberikan kepada pemaju yang membuat permohonan pelepasan kuota Bumiputera di bawah pengurusan Jawatankuasa Kawalan Hartanah Bumiputera Negeri Pulau Pinang (JKHBNPP) sepertimana kelulusan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bilangan 28 Tahun 2023 bertarikh 19 Oktober 2023.